



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
01 JANUARI 2019 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- Penduduk bantahan kerja korek jalan kampung 46-47

Sinar Harian

- Padah buang sampah haram 19
- 'Dah hakis tebing' 23




MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 01 JANUARI 2019 (SELASA)	
Akhrar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Penduduk bantahan kerja korek jalan kampung
Muka Surat	46-47



KAIN restang yang membantah 'pencerobohan' jalan di Kampung Pasir untuk pembinaan saliran paip ke Estana Court 2.



CADANGAN KERJA-KERJA KOREKAN DAN PEMASANGAN PAIP AIR 300 @ DJ DI SEPANJANG JALAN HZ ZAM ZAM DARI PERSIMPANGAN MASUK MRR2 HINGGA KE TAPAK PEMBANGUNAN ESTANA COURT 2, ULU KELANG DAERAH GOMBAK SELANGOR DARUL EHSAN

PAPAN tanda kerja-kerja korekan dan pemasangan paip di sepanjang jalan Haji Zam Zam menuju ke tapak pembangunan Estana Court 2.



LALUAN menghubungkan Estana Court ke Taman Ulay Bistari yang masih



Penduduk bantahan kerja korek jalan kampung

'Kami jadi mangsa'

01/01/19 NIS 4647

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN
 kraz@utusan.com.my

■ AMPANG 31 DIS.

KIRA-KIRA 3,000 penduduk Kampung Pasir, Ulu Kelang di sini mengesha Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) campurtangan bagi menghentikan projek pembinaan saliran paip merentasi kawasan kediaman penduduk yang dijangka bermula bila-bila masa.

Penduduk mendakwa, laluan kampung iaitu Jalan Haji Zam Zam sepanjang kira-kira 900 meter tidak sehatnya menjadi mangsa projek yang tiada kena

menyela dengan kepentingan mereka.

Kebimbangan itu tercetus setelah kerja-kerja menanda bahagian jalan yang akan dikorek dilakukan oleh pemuja pangasapuri Estana Court 2 (Cassimas Kondominium) baru-baru ini.

Penduduk, Badaruddin Abd. Aziz berkata, kerja-kerja mengorek di hadapan puluhan buah rumah itu akan menyukarkan atau lebih teruk lagi terpaksa menanggalkan tendangan jauh dari rumah.

"Bayangan kesesakan jalan yang bakal dihadapi kami jika jalan yang sudah sedia sempit ini dikorek untuk pemasangan

paip air ke Estana Court 2 yang baharu siap dibina itu.

"Sepatutnya pemuja cari alternatif lain dan tidak ibatkan jalan kampung kerana projek ini mungkin menyebabkan pelbagai lagi masalah kepada penduduk," katanya.

Badaruddin berkata demikian ketika ditemui Utusan Malaysia bersama kira-kira 100 orang penduduk Kampung Pasir yang membuat bantahan terhadap projek berkenaan, semalam.

Menurut Badaruddin, jika diteruskan projek itu juga akan menyebabkan kesesakan jalan kerana laluan itu turut dikongsi bersama ribuan penghuni



PENDUDUK Kampung Pasir, Hulu Kelang, Ampang membuat bantahan terhadap kerja-kerja pengorekan dan pemasangan paip air di Haji Zam Zam ke tapak pembangunan Estana Court 2, Welmaris.



REAKSI

"KAMI tidak kisah kerja-kerja pengorekan di jalanan di kawasan lain asalkan bukan di Kampung Pasir kerana ia tiada sebarang manfaat kepada penduduk."

BADARUDDIN ABD. AZIZ
 Penduduk

"PEMAJU, MPAJ dan mana-mana pihak berkaitan perlu datang berjumpa dengan penduduk untuk berunding mengenai masalah ini. Tidakkan mereka selama ini seolah-olah mencanohi kawasan penduduk kampung."

SAZALI MOHD. THANI
 Penduduk

"PROJEK pemasangan paip bagi saya tidak perlu kerana di Estana Court sudah ada dua saluran paip utama dan ini cukup untuk menampung bekalan air bagi legiunan penduduk di situ."

MUHAMMAD SYAZWAN SAZALI
 Ahli Jawatankuasa Peratusan Penduduk Kampung Pasir Hulu Kelang



PANGASAPURI Estana Court 1 dan 2 yang dibina berhampiran Kampung Pasir, Hulu Kelang, Ampang, Kuala Lumpur.

"Pemuja seolah-olah menutup mata mengenai pertambahan jumlah penduduk (Estana Court 1 dan 2) dan tidak peduli mengenai laluan yang sesak."

"Oleh itu kami mengesha supaya MPAJ membuka laluan alternatif berkenaan atau pemuja membina laluan keluar masuk kebalik seperti yang telah dirancang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat," katanya.

Sehubungan itu, penduduk meminta supaya Kementerian Papan serta Kerajaan Negeri Selangor campurtangan bagi membantu menangani masalah yang membelenggu mereka selama ini.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 01 JANUARI 2019 (SELASA)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Padah buang sampah haram
Muka Surat	19

84/1/1/19 M/S 19

Padah buang sampah haram

TERATAI – Sebanyak tiga kompaun dikeluarkan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) terhadap pemilik sebuah kedai kimpalan besi yang dipercayai membuang sampah haram di Taman Teratai, semalam.

Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samat berkata, pihaknya telah menerima aduan dan operasi bersama penguatkuasa MPAJ dan KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEB Waste) dilaksanakan pada jam 12 tengahari.

“Operasi tersebut dijalankan adalah hasil rakaman video dipercayai beberapa pekerja kedai berkenaan membuang sampah haram tersebut di hadapan premis berkenaan,” katanya.

Menurutnya, kegiatan mereka itu dipercayai berlaku sejak lima tahun lalu, namun pihaknya memerlukan bukti kukuh untuk melaksanakan operasi.



Longgokan sampah haram yang dikesan MPAJ.

“Mereka dipercayai membuang sampah haram pada waktu malam, berkemungkinan untuk mengelak tindakan mereka daripada dihidu pihak berkuasa,” katanya.

Menurutnya, sepatutnya pemilik premis berkenaan menggunakan perkhidmatan KDEB Waste untuk membuang sisa industri.

“Pemilik premis itu perlu mengeluarkan kos menyediakan tong sampah dan bekerjasama dengan KDEB Waste untuk menguruskan sisa industri tersebut,” katanya.

FOTO: BERNAMA



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 01 JANUARI 2019 (SELASA)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Dah hakis tebing
Muka Surat	23

'Dah hakis tebing'

SH / 1 / 19 M/S 23

Penduduk Taman Pandan Indah Fasa 2 resah tebing sungai runtuh

AHMAD ISMADI ISMAIL


PANDAN INDAH

Penduduk Taman Pandan Indah Fasa 2, resah dengan kejadian hakisan di tebing Sungai Kerayong yang mungkin mengancam keselamatan mereka.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Pandan Indah Fasa 2, Faizul Sharif mendakwa hakisan tebing itu berlaku minggu lalu.

"Ketika itu hujan lebat, sebahagian tebing konkrit runtuh dan hanyut dibawa arus deras," katanya.

Faizul memberitahu, penduduk berharap tindakan pantas agensi berkaitan membaik pulih tebing berkenaan bagi mengelakkan kejadian serius.



Tebing konkrit yang runtuh dan dibimbangi menghalang aliran air.

"Sisa tebing konkrit yang runtuh boleh menghalang aliran sungai berkenaan. Kita khuatir jika hujan lebat, air sungai akan melimpah dan kawasan perumahan yang jaraknya kira-kira 10 meter dari sungai pasti

banjir," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini aliran sungai berkenaan lancar namun kini dipenuhi sampah di kawasan sisa tebing konkrit yang telah runtuh," katanya.